

Muhasabah diri kunci raih kejayaan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal semasa berucap pada majlis perasmian Program Muhasabah Diri (atas), sementara gambar bawah, sebahagian daripada para belia yang ikut serta dalam Program Muhasabah Diri.



GADONG, Sabtu, 27 Disember. - Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Kelab Jalinan Akrab Belia Terunggul (JABAT), Pusat Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Program Muhasabah Diri yang diadakan di Auditorium UNISSA, di sini.

Program selama dua hari yang bermula 27 sehingga 28 Disember tersebut dirasmikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal, selaku tetamu kehormat majlis.

Dr. Haji Norarfian dalam ucapannya berkata, dalam konteks Negara Brunei Darussalam sistem dan nilai dalam diri yang perlu ada pada setiap peserta ialah nilai-nilai jati diri berdasarkan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadikan Islam sebagai tonggak pegangan.

Prinsip ini tambahan, perlu dipegang erat oleh setiap warganya dalam usaha untuk mengelakkan keharmonian dan kesejahteraan berugama, bermasyarakat dan bernegara di negara ini.

Apabila berbicara tentang ‘muhasabah diri’ tegasnya, perlu diketahui bahawa salah satu kunci meraih kejayaan dunia dan akhirat ini adalah dengan melakukan muhasabah



SESI bergambar ramai bersama peserta Program Muhasabah Diri anjuran Kelab Jalinan Akrab Belia Terunggul (JABAT) Pusat Belia dan Alumni UNISSA.

UCAPAN alu-aluan daripada Pengurus Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni UNISSA, Awang Haji Abd. Rashid bin Awang Haji Damit.

diri, iaitu salah satu usaha evaluasi diri terhadap kebaikan dan keburukan dalam semua aspek, baik yang bersifat vertikal, iaitu hubungan hamba Allah dengan Allah mahupun hubungan secara horizontal, iaitu hubungan manusia dengan sesama manusia dalam kehidupan sosial.

Kepada para peserta program beliau menyeru untuk sentiasa melakukan muhasabah diri atau memperhatikan dan menilai tingkah laku setiap masa untuk dapat mengetahui sama ada perbuatan atau kelakuan yang dilakukan sebelum ini adalah elok atau sebaliknya.

Program Muhasabah Diri merupakan sebuah Program Motivasi Islamik yang disasarkan kepada golongan remaja dan belia berumur di antara 15 hingga 20 tahun dan pada program ini seramai 66 peserta telah mendaftar untuk mengikuti program berkenaan yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dan pra universiti.

Antara modul program yang diadakan ialah lawatan ke kampus, Celik Mata Hati, Tenang Hati dan Minda, Kesedaran Untuk Berubah, ‘Thought Collective’ yang dibimbing

oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Farizal Ali dan Pegawai Penyelidik Ugama, Dayang Aisyah Humairah.

Sementara objektif program berkenaan adalah untuk memberikan peluang kepada para Alumni UNISSA untuk berkolaborasi bersama persatuan-persatuan NGO yang lebih berpengalaman serta memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap kewujudan Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni sebagai komiti penggerak.

Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni UNISSA ini merupakan pasukan penggerak yang telah diamanahkan untuk mengaktifkan Alumni UNISSA dengan pelbagai projek berkebajikan bagi tempoh enam bulan sebelum Persatuan Alumni UNISSA ditubuhkan secara rasmi.

Antara projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh Alumni UNISSA seperti Karnival Aman, Pusat Ponataran Ilmu dan Bahasa; UNISSA ditubuhkan secara rasmi.



Book Donation (hasil buku tersebut diserahkan semasa Festival Sukarlawan Antarabangsa; ‘Speaking Skills for Job Interview Workshop’ yang dikelola oleh Emily French, Wartawan dan Alumni The University of Melbourne, Australia; Program Muhasabah Diri; dan Pertandingan Pidato IPT Senegara, Piala Rektor UNISSA.

126 anak yatim PDB terima sumbangan derma

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Seramai 126 orang anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menerima sumbangan derma kebajikan dan perbelanjaan persekolahan di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan tersebut ialah Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Dayang Hajah Kamariah binti Haji Abdul Hamid.

Sumbangan merupakan projek tahunan PEKERTI itu diharap dapat meringankan beban para ibu-ibu tunggal dan penjaga anak-anak yatim berkenaan dalam membuat persiapan awal bagi musim persekolahan tahun depan.

Tabung anak-anak yatim PEKERTI ditubuhkan sejak tahun 2007 dan dana kewangan tabung diperolehi daripada sumbangan dari pegawai serta ahli-ahli PDB, orang-orang perseorang dan juga kutipan-kutipan derma tabung daripada orang ramai.

Tabung tersebut dihasrat dapat membantu anak-anak yatim khususnya anak-anak kepada anggota PDB yang telah meninggal dunia dan sekali gus dapat membuat persiapan musim persekolahan tahun 2015.



PENGURUSI Jawatankuasa Tertinggi Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Dayang Hajah Kamariah binti Haji Abdul Hamid menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.